

Syarikat kapal wap: pencetus pembangunan ekonomi bandar di Borneo Utara, 1883-1941

ABSTRACT

Perkembangan pengangkutan kapal wap telah memberi kesan kepada pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Misi utama kerajaan British North Borneo Company(BNBC) adalah untuk pembangunan ekonomi di Borneo Utara dari tahun 1883 hingga 1941. Penulisan mengenai peranan syarikat kapal wap dalam pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara adalah sangat kurang. Penulisan yang ada hanya menyentuh mengenai peranan syarikat kapal wap kepada kepesatan pelabuhan tanpa menerangkan peranannya kepada pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Makalah ini menerangkan secara terperinci mengenai peranan yang dimainkan oleh syarikat kapal wap dalam pembangunan ekonomi bandar utama di Borneo Utara. Diharapkan makalah ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk mengkaji sejarah pembangunan Borneo Utara dalam bidang perkapalan.